



KOPI PAHIT

Tengku dikatakan marah kepada Chin Peng. Terlampau banyak cakap – kata beliau. Rupanya Tengku tidak tahu bahawa gerak langkah Komunis banyak cakupannya. Berbelit-belit dan suka jadi munafik! Baharu inikah Tengku mengetahui gerak langkah orang-orang Komunis?! Kasihan! Jangan terlampau lurus Tengku – lurus ada tempatnya – tidak di gelanggang siasah! Baik-baik jangan kena main Tengku!!!

* * *

Tengku dikatakan pula berkata bahawa bukanlah taraf Tengku sebagai sifatnya Ketua Menteri berunding dengan Chin Peng. Ia hanya akan berjumpa dengannya ialah untuk menyampaikan syarat-syarat pengampunan beramai-ramai. Dahulu juga Tengku ada bilang bahawa sifatnya hendak berjumpa itu sebagai ketua Menteri Perikatan di Persekutuan Tanah Melayu. Jadi sekarang bagaimana, Tengku? Sesudah orang memandang Tengku mengakui dengan tidak rasmi, Malayan Komunis Party dengan langkah-langkahnya itu, sekarang sesudah terlanjur nampaknya baharu menyedarinya dan memutar kata-katanya. Inilah sebabnya harus kerana bercakap tidak memikirkan kesan-kesannya. Tengku sedikit masa dahulu ditegur tidak dibenarkan bercakap dengan “Kerajaan Saya”. Sebabnya harus kerana percakapan Tengku itu tidak dapat dipertanggungjawabkan. Berhati-hati Tengku, ingat-ingat kerana tiap-tiap cakap yang tak dapat dipertanggungjawabkan kesannya akan mengikat diri sendiri! Orang tahu sekarang Tengku bercakap tidak seperti dahulu menjadi Ketua Perikatan tetapi sekarang sudah jadi Ketua Menteri- tiap-tiap cakap mesti dipertanggungjawabkan supaya ada harganya!

* * *

Harus kerana melihat pertubuhan-pertubuhan kiri di Singapura sesudah isytihar pengampunan beramai-ramai meminta supaya Komunis Party dihalalkan maka Sir Cheng Lock Tan, ahli siasah orang Cina yang licin dan bijak serta berpengalaman, yang di-Pertua Agung M.C.A. dikatakan berkata bahawa ia tidak suka Malayan Komunis Party diakui dan diluluskan bebas. Sekali imbas, langkahnya patut dipuji dan tulus tetapi jika dihalusi jauh tujuannya. Dahulu Sir Cheng Lock Tan berkerjasama rapat dengan M.C.P. dan sekarang parti kiri minta diakui sedang ia menolak – apa ertinya? Kalau ia menyertai langkah-langkah parti

kiri, mengakui Komunis, ertinya Perikatan dalam bahaya sebab orang-orang Melayu tentu membantah dan supaya kasih sayang di dalam Perikatan terus terbentuk maka itulah harus lekas-lekas mengisytiharkan begitu sekalipun harus hakikatnya sebaiknya! Syabas Dato’! Tetapi orang-orang Melayu mengerti putar belit begitu seperti juga berkenaan dengan kebangsaan Jus Soli.

* * *

Wanita-wanita yang pakai baju mandi di dalam peraduan telah bidas ulama-ulama yang menegurnya dengan mengatakan ulama-ulama itu iri hati! Apa wanita-wanita itu fikir ulama-ulama iri hati kerana isteri-isterinya tidak mahu berbaju mandi dan berdedah di hadapan ramai seperti mereka itu? Sungguh perbuatan yang demikian boleh disebut kurang ajar!

* * *

Wanita-wanita ini juga bilang mereka menuntut kemajuan boleh sama-sama dengan orang-orang asing! Bagus, kerana bergaul dengan orang-orang asing itu lebih senang, boleh minum, boleh ini atau boleh itu ikut suka hati yang diselaputi oleh nafsu syaitan kerana syaitan lebih gemar kepada yang demikian – faham apa tidak?

* * *

Cara-cara berbaju mandi ini tentunya ada juga yang menggemarinya kerana mereka bilang membawa kemajuan. Cara ini tentulah digemari oleh orang-orang moden seperti wartawan di Selat Tebrau kerana beliau pun seorang moden. Betul apa tidak?

* * *

Setiausaha Petir, Tuan Lee Kuan Yew, dikatakan berkata bahawa Petir mahu merdeka, tidak mahu di bawah Kolonial dan tidak mahu juga di bawah Komunis, tetapi tidak pula anti Komunis. Cakap-cakap ini mengingatkan kita kepada kata-kata Tuan DN Aidid Setiausaha Agung Komunis Indonesia yang menyatakan bahawa Komunis tidak mahu negara Islam, tidak mahu negara Komunis tetapi mahu Indonesia berdasarkan Pancasila. Dikatakan yang demikian ini hampir serupa ialah kerana tipu dan putar belit siasah serong yang terpaksa berputar-putar mengikut keadaan. Orang rama tentu tahu ke mana kiblat mereka! ke Moscow.....bukan?

* * *

Tuan Firdaus dari Masyumi dalam ucapannya menyatakan bahawa Presiden Sukarno selalunya memuja-muja Nabi Muhammad tetapi ia tidak mahu beramal dengan pengajaran Muhammad supaya menegakkan negara Islam. Teguran ini patut kita perhatikan di sini kerana ramai orang membawa ayat dan pengajaran Muhammad tetapi tidak mahu bekerja kerana menegakkan cita-cita agama. Apakah yang demikian ini tidak termasuk ke dalam “Ia berkata tetapi tidak beramal?” Jaga-jagalalah!

-Cemeti al-Farouk